

NO. SOALAN: 224

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

RUJUKAN : 7278

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik lengkap mengenai jumlah anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Pasukan RELA yang telah terlibat dalam kes jenayah dan dipecat sejak 2008 hingga 2014.

JAWAPAN:

PDRM sebagai agensi penguatkuasa yang utama dalam menjaga keselamatan negara amat memandang serius terhadap isu salah laku warga polis. Prinsip “zero toleration” diambil terutamanya terhadap mana-mana pegawai dan anggota Polis yang didapati melakukan kesalahan jenayah. Ini adalah bagi memastikan integriti pasukan Polis sentiasa berada di tahap yang paling optima.

Bagi tahun 2008 sehingga Ogos 2014 seramai lima (5) orang Pegawai Kanan Polis dan tiga puluh enam (36) orang Pegawai Rendah Polis dengan jumlah keseluruhannya seramai empat puluh satu (41) orang pegawai / anggota Polis telah dikenakan tindakan buang kerja di atas sabitan kes jenayah di Mahkamah.

Bagi pasukan RELA pula, mana-mana anggota RELA yang terlibat dalam kes jenayah dan didapati bersalah akan digugurkan keanggotaannya mengikut kuasa Ketua Pengarah yang diperuntukkan didalam Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012.

Statistik anggota RELA yang terlibat dalam kes jenayah dan dipecat daripada keanggotaan dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut :-

i.	-	2008	-	73 anggota
ii.	-	2009	-	59 anggota;
iii.	-	2010	-	118 anggota;
iv.	-	2011	-	86 anggota;
v.	-	2012	-	55 anggota;

Pihak Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tatatertib atau mendakwa di mahkamah terhadap pegawai polis atau pegawai lain di bawah KDN yang menyalahgunakan kuasa atau yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pasukan atau jabatan bagi menentukan semua pegawai sentiasa mempamerkan tahap disiplin yang tinggi sepanjang masa dan menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang.